

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah syarat atau kriteria yang perlu dipatuhi sebelum kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dibuka di sesebuah sekolah, dan apakah Kementerian mempunyai tenaga pengajar yang cukup untuk membuka lebih banyak kelas PPKI di sekolah harian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk memberikan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mendapat akses pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing. Hal ini penting supaya semua MBK dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti. Pendidikan bagi MBK dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI).

KPM memberi fokus kepada pendidikan inklusif iaitu MBK untuk belajar bersama-sama murid arus perdana dalam satu kelas yang sama selaras dengan penekanan kepada aspek kasih sayang (*love*), kegembiraan (*happiness*) dan saling menghormati (*mutual respect*).

Merujuk kepada Buku Panduan Pengoperasian Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), bagi prosedur pembukaan kelas PPKI, setiap sekolah perlu mengambil kira beberapa aspek bagi memastikan kelas PPKI yang dibuka dalam keadaan terurus dan bersedia untuk melaksanakan program.

**Syarat dan kriteria pembukaan kelas PPKI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat sekolah yang berhasrat untuk membuka kelas PPKI, perkara-perkara berikut perlu diambil kira iaitu permohonan ibu bapa/penjaga, unjuran murid dan keperluan Guru Pendidikan Khas Integrasi (GPKI), infrastruktur fizikal bilik darjah, peralatan dan bahan pengajaran. Sekolah harian yang berhasrat untuk melaksanakan program ini, perlu mengemukakan permohonan ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di negeri masing-masing dalam tempoh dua tahun sebelum pelaksanaan program bagi membolehkan JPN membuat unjuran perjawatan dan sebagainya. Selain daripada itu, aspek keselamatan kelas, kesesuaian lokasi, dan keluasan minimum bagi sesuatu kelas PPKI juga perlu diberi penekanan untuk pembukaan kelas PPKI.

## **NO. SOALAN : 1**

Bagi memastikan kriteria dan syarat ini dipatuhi, pihak JPN perlu menjalankan proses naik taraf atau pengubahsuaian bilik darjah sedia ada. Kelas Pendidikan Khas dicadangkan dibuka di lokasi yang strategik dan perlu berada di aras bawah bangunan sekolah serta mempunyai kemudahan mesra orang kelainan upaya (OKU). Ini bertujuan memudahkan pergerakan murid pendidikan khas.

Sekiranya berlaku keadaan yang memerlukan pembukaan kelas PPKI dibuka pada tahun semasa, pihak sekolah perlu memastikan terdapat guru dan bilik darjah yang mencukupi untuk MBK di sekolah berkenaan.

### **Bilangan dan keperluan guru**

Sehingga 30 Jun 2019, bilangan guru yang mengajar di PPKI adalah seperti berikut:

1. seramai 183 orang di peringkat prasekolah;
2. seramai 8,217 orang di sekolah rendah; dan
3. seramai 5,846 orang di sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan segera untuk mengatasi isu kekurangan guru di PPKI maka KPM akan melaksanakan pengambilan guru interim pendidikan khas.

Sekian, terima kasih.